

Tentang Persepsi, Fenomena dan Fenomenologi

Fauzi Naeim Mohamed

Malaysian Institute of Information Technology

Universiti Kuala Lumpur

E-mail: naeim3f@gmail.com

Penulisan saya kali ini adalah untuk berbicara tentang persepsi serta fenomenologi. Bicara ini agak kecil dan perlahan. Kecil kerana ia cumalah satu gusaran pendek, yang sesuai dengan kehendak semasa dialog di mana bicara ini ditujukan. Lahan kerana, bila dilihat dan disayuti fenomena fenomenologi di Malaysia, ia tidaklah segh mana, sekontroversi mana, seperti apa yang berlaku di luar negara seperti di Jerman, Perancis, Amerika, England dan sebagainya. Perbualan tentang fenomenologi untuk kertaskerja ini cumalah kata- kata ringkas tentang pengenalannya dan kefahamannya. Jika dilihat secara amnya filosofi fenomenologi ini, ia amat besar dan merupakan pecahan utama dalam membezakan filosofi analitik dan kontinental¹. Walaupun mendapat tempat dalam perdebatan pemikiran klasikal Parmenides (awal kurun ke-5 SM) dan Aristotle (384–322 SM) hinggalah ke Immanuel Kant (1724–1804) dan Georg Wilhelm Friedrich Hegel (1770–1831), ianya cumalah kedatangan Edmund Husserl (1859–1938) dan Martin Heidegger (1889–1976) barulah pemikiran fenomenologi didalami, diperkembang dan diperkasa.

Tajuk saya meyebut ‘persepsi,’ ‘fenomena’ dan ‘fenomenologi’ Apa ini yang kita panggil ‘persepsi’? Untuk memahami fenomenologi, kita mesti faham dulu apa yang dipanggil perkara persepsi. Persepsi sebenarnya translasi langsung daripada ayatan Inggeris: *perception*. Ayatan Inggeris ini pula menciaplak bahasa Latin awal *perceptio* atau *percipio*. Dari segi etimologinya, *perceptio* adalah gabungan bagi ‘per’ (melalui) dan ‘capiō’ (tangkap, ambil, faham). Secara amnya, untuk berpersepsi bermaksud menggunakan deria kita untuk menangkap dan mengambilkira bentuk- bentuk atau fenomena yang berada di luaran tubuh dan diserapkan ke dalam minda dan diri sebagai kod atau signal untuk pencernaan pemahaman. Dalam erti kata

¹ Perbezaan pandangan dalam filosofi ini cumalah berlaku di Barat. Pemikir bagi yang analitik: Quine, Russell, Wittgenstein, dsb. Bagi kontinental: Nietzsche, Heidegger, Merleau-Ponty, dsb. Di Malaysia, barangkali kita tidak merasakan sangat jurang perbezaan pendekatan ini. Tidak menghairankan, sebab di Malaysia, kita belumlah lagi mempunyai departmen filosofi yang sebenar-benarnya!

lain, berpersepsi adalah tindakbalas yang amat personal. Pemahaman atau kedapatan idea yang tercerna daripada konflik ‘benda’ yang dipersepsikan melalui deria adalah berbeza untuk setiap orang. Walaupun saya dan kawan saya (dalam jarak berdekatan) melihat kerusi kayu, dan melihatnya sebagaimana kerusi kayu itu terpamer, terdapat perbezaan tentang bentuk yang terpamer di ruang minda kami (dari sudut perspektif sebagainya) dan juga perbezaan idea yang terpanggil yang pengalaman kita sahut apabila objek kerusi itu di ‘alami’ (boleh jadi saya fikirkan tentang bila nak duduk atas kerusi tersebut walhal kawan saya boleh jadi memikirkan tentang warna coklatnya). Ini berlaku kerana *budaya* pengilmuan dan tumbesaran kesedaran manusia berbeza-beza di antara satu sama lain.

Fenomenologi adalah apa yang kita panggil ‘menelaah sains atau seni fenomena.’ Punyalah penting fenomenologi ini sebagai pemikiran asas sehingga Husserl membuat deklarasi bahawa, “kesemua disiplin filosofi adalah berakar-umbikan di dalam fenomenologi sejati.”² Taylor Carman merujuk fenomenologi sebagai,

“...satu cubaan untuk menerangkan struktur asas pengalaman dan pemahaman manusia daripada pandangan-orang-pertama, berlainan dengan refleksi perspektif-orang-ketiga yang sering mendominasi ilmu saintifik dan sains semasa.”³

Ia merupakan satu pergerakan intelektual yang besar dan mempunyai ramai pengikut tersohor seperti Maurice Merleau-Ponty (1907–1960), Hans-Georg Gadamer (1900–2002), Jean-Paul Sartre (1905–1980) Emmanuel Levinas (1906–1995), Jacques Derrida (1930–2004) dan Jean-Luc Marion (b.1946) dan sebagainya. Fenomenologi sebenarnya adalah ayatan translasi langsung daripada Inggerisnya, *phenomenology*. Ia telah dibahasamelayukan. Jika dirujuk kepada asal-usulnya, ia berasal daripada bahasa Greek, yakni φαίνόμενον atau *phainomenon*. Ayat φαίνώ bermaksud ‘tunjuk’ atau ‘muncul.’ Secara am, ia merujuk kepada benda yang muncul di depan persepsi kita. Secara filosofikalnya, fenomenologi bermaksud kedapatan intipati bagi objek atau perkara melalui keamatan pengalaman. Saya petik kata Heidegger:

² Translasi saya daripada Husserl, *Shorter Works*, 1981, ms.10.

³ Pandangan-orang-pertama adalah alihbahasa bagi *first-person-view*. Translasi dipetik daripada *Foreword, Phenomenology of Perception* (Alihbahasa Donald A. Landes), 2012, p.viii.

“Justeru, fenomenologi bermaksud untuk membiarkan perkara yang menunjukkan dirinya dilihat daripada ianya sepertimana ia mempamerkan dirinya daripada dirinya.”⁴

Heidegger, walaubagaimanapun, berminat mengajukan permasalahan ontologi terhadap fenomenologi (yang terus lari) daripada Husserl yang awalnya pengaruhi di Jerman, melalui penerbitan Husserl seperti *Logical Investigations* (1900–1901) dan *Ideas Pertaining to a Pure Phenomenology and to a Phenomenological Philosophy—First Book: General Introduction to a Pure Phenomenology* (1913). Ontologi di sini adalah satu kajian terhadap *keberadaan* kemanusiaan. Setiap benda, bagi Heidegger dalam bukunya *Sein und Zeit* (atau *Being and Time*, 1927), ada inisipatinya, ada zatnya, yang mana, hanya menerusi pengamatan fenomenologilah maka kita diberikan kefahaman terhadap ia. Fenomenologi bagi Heidegger, bergerak dalam ruang hermeneutik, yakni seni interpretasi. Hal sebegini dipersetujui oleh anak muridnya, Gadamer, dan lantas dijadikan subjek utama melalui kitab hermeneutik tersohor, *Wahrheit und Methode* (*Truth and Method*, 1960).

Dunia fenomena ini besar dan luas, merangkumi – sebagai contoh – langit biru, catan akrilik, pintu ungu, daging kambing, neraca, persembahan tarian, kebebasan, kematian dan lain-lain. Kita kena faham bahawa fenomenologi adalah satu pendekatan kepada kajian ‘pengalaman.’ Perkara seperti pintu utama di rumah hanyalah berguna kepada kesedaran kita, hanyalah apabila ia dialami oleh kita. Fenomenologi bukan sahaja pasal persepsi diri kita kepada kewujudan pintu di depan kita, tetapi lebih kepada apabila pintu itu di-alami. Ianya bukan pasal karakteristik bagi pintu tersebut – permukaannya atau warnanya – tetapi lebih, sebagai *lubang* atau *jalan* untuk kita lalui, yang kita tembusi dan teropongi untuk ke tempat lain. Tukul bukan sebagai bentuknya, tetapi tukul-untuk-mengetuk-sesuatu. Fenomenologi *menguatkuasakan* pengalaman dan begitu juga sebaliknya. Ini menjadikan ia satu kritik penting kepada metodologi sains semulajadi dan logik. Menurut Dermot Moran, di dalam ‘penglihatan’ fenomenologi, kita tidaklah boleh dibenarkan mempunyai mana- mana hipotesis saintifik atau filosofi. Kita hanya perlu hadir kepada fenomena sebagaimana cara *keberadaannya* diberikan kepada kita, di dalam mod *kepemberiannya* (*Introduction to Phenomenology*, 2000:11). Ini, cumalah pendapat beliau. Saya

⁴ Translasi dipetik daripada Heidegger, *Being and Time* (Alihbahasa Macquarrie & Robinson), 1962, ms.58.

fikir, bahawa kita masih boleh dibenarkan untuk mempunyai mana- mana hipotesis kerana sudah lumrah manusia untuk tidak dapat tidak, untuk lari daripada mempunyai kerangka pengamatan. Hipotesis tidaklah bererti saintifik atau filosofikal, tapi boleh jadi – pendekatan kita tentang benda yang kita sukai atau tidak. Saya tidak percaya dengan fenomenologi *epoche* yang diajukan oleh Husserl, kerana ia menutup (sebarang seketika) pendekatan semulajadi kita dalam mengamati fenomena. Husserl berdebat sedemikian kerana baginya, perkara luaran perlulah ditangkisi supaya mod fenomena ini dapatlah diamati dan dialami dengan lebih objektif lagi. Malah sejak awal lagi Husserl mahukan fenomenologi ini sebagai satu bentuk sains diskriptif – ilmu yang menerangkan – alam sadar. Apakah mungkin kita boleh menyaring subjek lain selain daripada fenomena yang kita kaji sedalam- dalam ini? Bukankah lebih baik daripada disaring secara terperinci, *diraikan* pula elemen-elemen subjektif yang mencelah (yang mengawal) di dalam pengamatan fenomena? Petaksegi pintu yang berwarna ungu ini bukan sahaja pintu ungu yang berpetaksegi, yang boleh dilalui, tetapi juga adalah pintu yang seawal tadi membenarkan hantukan anak kecil ke permukaan tepinya, yang mengesankan benjol pada dahi anak kecil. Fenomena sebegini adalah *surplus* fenomena. Ianya terlalu... sarat. Begeraknya ia dipermukaan alam kesedaran saya adalah untuk membawa makna yang banyak, sehingga melebihi nilai fizikal pintu itu.

Setiap persepsi adalah juga satu kehasratan dan percambahan naluri. Melihat objek – sebagai contoh, buku – adalah mengarahkan minda dan deria kita terhadapnya. Dalam bahasa Inggeris kita kenali sebagai *intentionality*. Saya terus translasikan kepada bahasa Melayu sebagai *intension*. Mudah, bukan? Perkataan ini datangnya dari Latin, yakni ‘*intentio*.’ *Intentio* bermaksud – jika kita perhatikan daripada Heidegger – sebagai ‘mengarahkan-dirinya-terhadap.’⁵ Ini ayat yang panjang, tetapi cukup baik untuk memahami keadaan intension. Mengarahkan terhadap apa? Terhadap *sesuatu*. Setiap persepsi, yang juga datangnya bersama intension, adalah sesuatu yang terarah kepada benda yang dilihat, yang lantas secara automatiknya menerima manifestasi benda ke alam sadar.

⁵ Ini translasi daripada ‘*directing-itself-toward*.’ Saya ambil daripada Heidegger, *History of the Concept of Time: Prolegomena* (Alihbahasa: Theodeore Kisiel), 1985, ms.29.

Awal tadi, saya ada sebutkan persepsi sebagai *personal*. Saya ulangi lagi dalam sebutan berbeza: Ianya sebab manusia mempunyai fikiran yang personal dan berbezalah maka fenomenologi ini menjadi begitu ketara sekali kerelatifannya lantas sebagai satu selebrasi kepada *daya* pengalaman kita dalam mencapah pemahaman masing- masing. Secara kasarnya, tujuan fenomenologi ini adalah untuk meraikan bahawasanya alam subjektif dan alam kesemulajadian tidaklah boleh dipisahkan (sepertimana epistimologi sains lakukan sekarang). Keobjektifan hanya dapat diamati *hanya* dengan meraikan sekali elemen subjektif. Barangkali fenomenologi ini, kalau dikritik kerelatifannya, adalah majlis kenduri bagi keegoan praktisannya.

Apakah objek yang kita lihat – pensel atau buku – mempunyai *autonomi* untuk memberitahu kita keadaannya atau kita sendiri yang memberikan keadaannya seperti yang kita terima dalam sensori kita? Jika dilihat transendental diskriptif Husserl, kita dapat tengok bahawa keadaan pensel itu agak pasif, akan tetapi, kalau dilihat dalam pengayaan Jean-Luc Marion di dalam *Excess: Studies of Saturated Phenomena* (2002), pensel ini seolah bernyawa, bergerak dalam satahnya yang statik dan malah memberikan ‘izin’ untuk kita mengecapi pemberiannya sebagai pensel.

Merleau-Ponty, dalam buku terkenalnya *Phénoménologie de la perception* (1945), berpendapat bahawa Husserl adalah tersilap dengan hanya terlalu berkonsentrasikan terhadap ego transendental tetapi tidak mengambil berat elemen kehidupan yang menghidupi intipati fenomena. Bagi Merleau-Ponty, fenomenologi mestilah berorientasikan kepada manusiawi yang menetap di dalam dunia yang konkrit. Alam sedar adalah kewujudan dalam dan terhadap dunia melalui badan. Merleau-Ponty menyebut:

“Tubuh badan kita (*Le corps propre*) adalah di dalam dunia seperti jantung di dalam organ badan; ia memastikan vista pertunjukan sentiasa hidup, dan ia memberi nafas kepada ia dan menopangnya dalam sendiri, dan bersama, ia membentuk sebuah system.”⁶

⁶ Translasi saya daripada Merleau-Ponty, *Phenomenology of Perception*, alihbahasa Colin Smith, ms.203.

Merleau-Ponty meraikan bersama-tubuh⁷ apabila mengamati fenomena. Tubuh di sini bukanlah sahaja berkisarkan badan tetapi adalah tubuh sebagaimana fizikal dan fenomena tubuh yang saya *alami*. Melihat serta menikmati pintu ungu bererti memberikan hala-tuju tubuh kepada pintu tersebut. Satu bentuk *persediaan* untuk bersama ke arah pintu. Melihat dan mengalami mestilah kembali kepada keprimitifan tinggal-bersama dan bukan sahaja kepada keintuisian intipati. Hanya kerana adanya tubuהל maka kita boleh bersedia untuk *terarah* ke pintu ungu, fizikal kita maju mengukur jarak secara tidak langsung kepada perbezaan ruang antara tubuh dan perletakan pintu.

Menurut Heidegger, setiap sesuatu, datangnya kepada persepsi kita dalam berkeadaan *tersembunyi*. Dalam keadaannya yang tersembunyi, ia menunggu untuk disingkap topengnya dan fasadnya, supaya manifestasi intipati keberadaannya dapat diseru dan dihayati. Pertembungan kita dengan benda di sekeliling kita adalah pertembungan yang buta. Tapi, bagaimanakah sesuatu benda itu mempamerkan intipatinya? Hanya apabila ia mempamerkan ia sebagaimana ia mempamerkan dirinya sebagai dirinya. Sebelum kita rasa pening dengan perbualan berspiral ini, kita kena faham bahawa Heidegger berminat dengan kajian *Sein*. Saya sendiri susah hati dalam penulisan ini, kerana saya belum menemui translasi Melayu yang betul- betul setepat dengan *Sein* atau Inggerisnya, *Being*. Permasalahan penukar-gantian ayat dalam fenomenologi adalah lumrah alam. Parvis Emad dan Kenneth May – pengalihbahasa bagi karya Heidegger – sendiri berasa sukar untuk mendapatkan gantian yang enak bagi *Sein*. Ini disebabkan *Sein* juga membayangkan **aktiviti, dinamisma, pergerakan, kebarangkalian, kemekaran, penolakan, kegelisahan, dan kesentosaan**.⁸ Ini lantas mempamerkan kekayaan bahasa Jerman *Sein*. Untuk penulisan saya di sini, saya gunakan ‘Keberadaan’ atau ‘Manusia’, bagi menggantikan *Being*, bergantung kepada konteks perenggan. Manusia bukanlah satu benda yang hidup berkonsepkan semata-mata atau dalam keadaan tunggal sahaja. Manusia, bagi Heidegger, adalah manusia yang tinggal-bersama di bumi. Tinggal-bersama termasuklah tinggal-bersama-manusia dan tinggal-bersama-benda. Dalam bahasa Inggerisnya, *beings-in-the-world*. Ayatan Jerman asal adalah *In-*

⁷ ‘Bersama –tubuh’ adalah translasi saya kepada *embodiment* yang Merleau-Ponty ajukan. Ia janggal. Menggunakan penubuhan, ketumbuhan atau persetubuhan membawa maksud lain. ‘Pembadanan’ pula akan menambahkan kejanggalaan bahasa.

⁸ Kepelbagaian maksud *Sein* saya cedok daripada Heidegger, *Phenomenological Interpretation of Kant’s Critique of Pure Reason*, 1997, xiv.

der-Welt-sein (sepertimana Merleau-Ponty; *être au monde*). Dalam bahasa Melayu, kita boleh interpretasikan sebagai manusia-bersama-dunia.

Pengalaman. Ia ayat penting dalam penghayatan fenomenologi. Pengalaman merupakan kata penambahan bagi kata asal ‘alam.’ ‘Alam’ yang Melayu gunapakai adalah bahasa Arab yang membawa maksud ‘tanda’ atau ‘dunia.’ Dalam Jermannya, kita panggil pengalaman sebagai *Erfahrung*, yang membawa maksud ‘pengalaman kehidupan’. Jika ditukarkan ke Inggeris, ia menjadi *experience*. Tapi ayat *Erfahrung* atau *experience* tidak dapat memberikan maksud ‘ruang’ atau ‘suasana’ sepertimana ‘pengalaman’ dapat bayangkan. Ini kerana alam juga bermaksud ‘dimensi’ atau ‘dunia’. Mengalami keenakan aiskrim vanila adalah seperti berada di ‘suatu dunia’; dunia yang diseru masuk ke dalam deria badan. Perkara sebegini merapatkan ‘pengalaman’ menerusi penghayatan alam lain, pengalaman sebagai juga: peng-duniaan.

Jika para pembaca mendapati saya terpaksa berpusing-pusing dalam kancas bahasa, ini kerana untuk mengucapkan konsep filosofi bukannya senang. Apatah lagi translasi bagi sesuatu ayat dalam bahasa lain ke bahasa Melayu terpaksa melalui renungan yang jauh lagi dalam. Ini lantas memberikan kita satu apresiasi terhadap kepentingan elemen bahasa dalam bukan sahaja berkarya atau berucap, tetapi sebagai perwakilan kepada benda lain sehingga bahasa berupaya mengubah elemen benda tersebut hanya menerusi pengayaan dan penggunaan bahasa. Dengan bahasa, kita berinterpretasi secara automatik. Malah, Heidegger sendiri telah memberitahu kita bahawa “...bahasa adalah rumah bagi Manusia.” (*Pathmarks*, 1998: 239). Dalam ini, bahasa merupakan satu kuasa penting di mana pendalaman jalaran fenomenologi boleh berlaku. Malah, bahasa dan persepsi tidak dapat boleh dipisahkan. Hanya melalui bahasa maka kita boleh menyiasat intipati bagi sesuatu keadaan.

Di pengakhiran kertaskerja kecil lagi perlahan ini, tidaklah saya mampu ucapkan tentang metodologi fenomenologi.⁹ Seperti semiotik atau psikoanalisa, fenomenologi tidaklah mempunyai jawapan bagi metodologi yang unggul, kerana pemikir dan pengikut, adalah terlalu

⁹ Walaubagaimanapun, saya cadangkan para pembaca yang berminat dengan kaedah objektif untuk meneliti Bab 5 dalam *The Phenomenological Movement: A Historical Introduction, Third Revised and Enlarged Edition*, oleh sejarawan fenomenologi Herbert Spiegelberg, 1982, 677-719. Di sini ada dibincangkan metod fenomenologi secara terperinci, yang mana menurut beliau, ada 7 langkah bermula daripada pengkajian sesuatu fenomena sehinggalah kepada menginterpretasi makna fenomena.

berbeza dalam mengtakrifkan pengertian mereka. Dalam konteks sebegini, kemajmukan filosofi fenomenologi mempositifkan ia, menyebabkan ia sentiasa mengukir pergerakan dan tidak statik. Saya sendiri beranggapan bahawa arena hermeneutik adalah tempat fenomenologi berkuatkuasa dalam kesubjektifannya; sebagai satu siri dialog manusia memahami bagaimana ia berfahaman, di bumi ini, bersama manusia lain. Apa yang menarik bagi pemikiran fenomenologi adalah bagaimana ia **berkebolehan menyingkap kebarangkalian yang asasi bagi sesuatu situasi**, dan membawanya ke depan. Kita sedia maklum: Proses fenomenologi adalah untuk mencongkel, untuk membuka serkap keadaan benda sehinggalah kebenaran dapat diperolehi dan dialami. Kebenaran ini diibaratkan seolah cahaya yang menyulahi daripada permukaan benda. Walaupun sedemikian, kebenaran ini – yang juga cahaya – juga seperti konstruksi prejudis. Betul, dalam mengamati fenomena, fenomena juga mengalami kita: Bukankah dengan sedemikian, fenomena adalah prejudis kita yang dicerminkan balik daripada ruang gelap hati? Hanya, hanya dengan kegelapanlah maka cahaya boleh muncul – sekejap, bagai halilintar – supaya keadaan boleh kembali gelap – menunggu (dan menyeru) cahaya menyingkap lagi.

Rujukan

- Gadamer, Hans- Georg. 1976. *Philosophical Hermeneutics*. (Alihbahasa: David E. Linge). Berkeley, LA & London: University of California Press.
- Gadamer, Hans- Georg. 2004. *Truth and Method. 2nd Ed.* (Alihbahasa: Joel Weinsheimer & Donald G. Marshall). London & New York: Continuum.
- Heidegger, Martin. 1962. *Being and Time*. (Alihbahasa: John MacQuarrie & Edward Robinson). New York: HarperCollins.
- Heidegger, Martin. 1971. *On the Way to Language* (Alihbahasa: Peter D. Hertz). New York: HarperSanFrancisco.
- Heidegger, Martin. 1985. *History of the Concept of Time: Prolegomena* (Alihbahasa: Theodore Kisiel). Bloomington: Indiana University Press.
- Heidegger, Martin. 1998. *Pathmarks* (Penyunting: William McNeill). Cambridge, New York & Melbourne: Cambridge University Press.
- Heidegger, Martin. 2001. *Poetry, Language, Thought* (Penyunting: Albert Hofstadter). New York: Harper Perennial Modern Classics.
- Heidegger, Martin. 2004. *What is Called Thinking?* (Penyunting: J. Glenn Gray). New York: Harper Perennial.

Husserl, Edmund. 1931. *Ideas: General Introduction to Pure Phenomenology* (Alihbahasa: W.R. Boyce Gibson). London: George Allen & Unwin Ltd.

Husserl, Edmund. 1981. *Shorter Works* (Alihbahasa dan Penyunting: Frederick Elliston and Peter McCormick). Notre Dame, In: University of Notre dame Press.

Merleau-Ponty, Maurice. 2002. *Phenomenology of Perception* (Alihbahasa: Colin Smith). London: Routledge.

Moran, Dermot. 2000. *Introduction to Phenomenology*. London & New York: Routledge.

Spiegelberg, Herbert. 1982. *The Phenomenological Movement: A Historical Introduction, Third Revised and Enlarged Edition*. Hague, Boston & London: Martinus Nijhoff Publishers.